



## **PERTANDINGAN REKA BENTUK LAKARAN LANDSKAP SEMPENA PENUKARAN NAMA BANDAR BRUNEI MENJADI BANDAR SERI BEGAWAN KALI KE 41**

### **MAKLUMAT PESERTA**

**Nama penuh:**

**Tarikh  
lahir:**

**Nombor K/P  
dan Warna:**

**Alamat**

**Persuratan:**

### **MAKLUMAT INSTITUSI/KOMUNITI**

**Nama:**

**Jawatan:**

**No. Telefon:**

**Pengesahan rasmi**

PENGESAHAN  
INSTITUSI/KOMUNITI  
(Cop Rasmi, jika ada)

.....  
Tandatangan

Tarikh:

4 OKTOBER 2011

### **DEKLARASI**

Saya dengan ini mengaku telah membaca semua syarat, format dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan. Saya bersetuju akan mematuhi semua keputusan yang dibuat sebagai keputusan yang muktamad.

.....  
Tandatangan Peserta

Tarikh:

### **KEGUNAAN JABATAN SAHAJA**

Senarai Semak:

Reka Bentuk Lakaran Landskap size A3 @ 4 keping

CD mengandungi file Reka Bentuk Lakaran Landskap

**PERTANDINGAN REKA BENTUK LAKARAN LANDSKAP  
SEMPENA PENUKARAN NAMA BRUNEI MENJADI BANDAR SERI BEGAWAN KE 41 TAHUN ANJURAN  
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Pertandingan ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar/ penuntut di sekolah/maktab dan individu bagaimana-mana persatuan/ NGO/ Komuniti yang terletak dalam kawasan kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan supaya berjinak-jinak dalam bidang reka bentuk lakaran landskap. Selain itu menambahkan kesedaran tentang betapa pentingnya alam sekitar dalam kehidupan seharian. Dengan itu, pertandingan ini diharapkan akan membuahkan sikap mesra alam kepada para peserta disamping memberikan peluang untuk menyumbang kepada kecantikan kawasan kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

**SYARAT PENYERTAAN**

Pertandingan ini dibukakan kepada **dua Kumpulan/ Kategori:**

- |                    |   |   |
|--------------------|---|---|
| Kumpulan Institusi | – | <b>Dibukakan kepada pelajar/ penuntut dalam sebuah sekolah / maktab yang terletak Dalam kawasan kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan (dalam Tingkatan 6 kebawah sahaja)</b> |
| Kumpulan Komuniti  | – | <b>Dibukakan kepada individu dalam mana-mana persatuan/ NGO/ komuniti dalam Kawasan kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan</b>  |

**FORMAT & PERATURAN PENYERTAAN**

1. Reka bentuk lakaran landskap mestilah mempunyai temanya tersendiri;
2. Hendaklah menyatakan jenis tanaman yang akan digunakan bagi landskap tersebut;
3. Keutamaan diberikan kepada bunga-bunga tempatan yang mudah didapati dan jimat dalam kos pemeliharaan;
4. Tanaman hendaklah jenis yang mudah didapati sepanjang tahun dan cuma memerlukan perhatian setiap 2 bulan bagi ianya dirapikan/ potong sedikit;
5. Warna-warna yang dipilih hendaklah sesuai dengan rekabentuk lakaran landskap;
6. Hendaklah dinyatakan dengan jelas didalam lakaran dimanakah tanaman yang telah dikenal pasti itu akan diletakkan/ digunakan;
7. Lakaran mestilah dibuat menggunakan komputer dan dicetak dalam kertas size A3;
8. Setiap peserta hanya dibenarkan mengemukakan satu lakaran sahaja melalui sekolah/ maktab/ persatuan/ NGO/ komuniti masing-masing;
9. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang penyertaan yang disediakan dan boleh didapati di institusi/ komuniti masing-masing atau boleh mendapatkannya dari Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan;
10. Reka bentuk lakaran hendaklah dihantar bersama borang penyertaan melalui institusi/ komuniti masing-masing dengan pengesahan penyertaan dari institusi/ komuniti berkenaan;
11. Jabatan tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan lakaran semasa dalam pengirisan;
12. Jika terdapat sesuatu perkara yang berbangkit diluar syarat, format dan peraturan penyertaan bagi peraduan ini, Jabatan berhak mengambil sebarang tindakan atau keputusan yang bersesuaian;
13. Reka bentuk lakaran landskap hendaklah dihantar dalam empat (4) salinan termasuk 'soft copy' (CD);
14. Reka bentuk lakaran landskap yang dihantar akan menjadi hakmilik Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

**PENGHAKIMAN**

Apa jua keputusan hakim dalam pertandingan ini adalah **MUKTAMAD** dan tidak boleh dipertikaikan.

**TARIKH TUTUP**

Tarikh tutup untuk menghantar reka bentuk lakaran landskap ialah **hari Isnin, 21 November 2011 jam 4 petang** bersama-sama dengan borang penyertaan.

**TEMPAT MENGHANTAR**

Reka bentuk lakaran landskap hendaklah dihantar bersama borang penyertaan melalui institusi/ komuniti masing-masing kepada:  
**Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan  
Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan  
Simpang 297, Jalan Kumbang Pasang,  
Bandar Seri Begawan, BA1512  
Negara Brunei Darussalam**

**4 PEMENANG BAGI SETIAP KUMPULAN AKAN DIBERIKAN KEISTIMEWAAN BERIKUT:-**

- i) Institusi/ Komuniti terpilih akan diberikan satu tapak di Taman Jubli Perak untuk menanam reka bentuk lakaran landskap yang dimenangi oleh peserta dari institusi/ komuniti masing-masing;
- ii) Bunga-bunga/ tanaman akan disediakan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan/ Penaja;
- iii) Institusi/ komuniti dikehendaki untuk memelihara tanaman landskap dalam tempoh 1 tahun dari tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan;
- iv) Kerja-kerja pemeliharaan seperti merapikan dan memotong sedikit mana yang perlu adalah tanggungjawab institusi/ komuniti yang terpilih dalam tempoh yang ditetapkan.